

Teknologi bakal wujud peluang pekerjaan baharu

Kuala Lumpur: Teleport, cabang logistik di bawah AirAsia Digital, kini meneroka penggunaan dron untuk menghantar barang daripada platform e-dagang airAsia, yang dijangka mewujudkan peluang pekerjaan baharu termasuk mereka yang kehilangan pekerjaan dalam industri penerbangan.

AirAsia Group Bhd berkata, Teleport bekerjasama dengan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Sekretariat Utama Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) ketiga di Cyberjaya, kata kumpulan itu menerusi satu kenyataan semalam.

Melalui Dron di Kawasan Bandar

"Projek perintis untuk perkhidmatan penghantaran pesanan dari platform e-dagang airasia termasuk airasia shop menggunakan dron automatik itu akan dilaksanakan melalui pendekatan bertahap selama enam bulan di tapak ujian Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) ketiga di Cyberjaya," kata kumpulan itu menerusi satu kenyataan semalam.

Perkhidmatan itu ketika ini masih pada peringkat ujian oleh dua pengendali dron tempatan, VStre-

am Revolution Sdn Bhd dan Meraque Services Sdn Bhd.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes, menyifatkan perkhidmatan penghantaran melalui dron di kawasan bandar akan meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan operasi serta menjadikan perkhidmatan penghantaran di kawasan bandar lebih pantas.

"Penghantaran menerusi dron menjadikan kami lebih berdaya saing untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam sektor e-dagang dan lebih

tangkas menghadapi landskap ekonomi yang berubah.

"Apa yang paling penting, inovasi ini akan membolehkan kami mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan bertechnologi tinggi untuk rakyat Malaysia," katanya.

Fernandes berkata, sebagai perenaju inovasi, AirAsia bersedia untuk menghadapi cabaran inovatif baharu dan gelombang Revolusi Industri 4.0 bagi kelebihan mereka.

"Kami hanya melihat ke hadapan dan tidak sabar untuk menghantar pesanan anda melalui dron AirAsia pada masa

akan datang," katanya.

Ketika menyertai Forum Ekonomi Belia (YEF) 2021 semasa sesi maya yang bertajuk 'Jalan ke arah Pemulihan: Menukar Krisis kepada Peluang', Fernandes berkata, kumpulan itu juga merancang melancarkan perkhidmatan teksi udara dalam tempoh satu setengah tahun, selain perkhidmatan e-panggilan pada April nanti.

"Teksi udara ini akan mempunyai juruterbang dan empat kerusi. Buat masa ini, kami mempunyai pasukan yang mengusahakan perkhidmatan baharu ini," jelas beliau.

BERNAMA